

Presiden Rusia diberi sambutan permaidani merah

KUALA LUMPUR 5 Ogos

Presiden Rusia, Vladimir Putin yang tiba semalam untuk lawatan dua hari, pagi ini diberi sambutan rasmi permaidani merah oleh Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Dataran Parlimen di sini.

Putin yang merupakan pemimpin tertinggi pertama Rusia membuat lawatan rasmi ke Malaysia, tiba di pekarangan bangunan Parlimen pada pukul 10.10 pagi.

Turut hadir ialah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mo-

hammad; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; menteri-menteri Kabinet serta para pegawai diplomatik asing.

Sebaik selesai lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan, Presiden itu memeriksa perbarisan kehormat Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja.

Perbarisan yang melibatkan empat pegawai dan 103 anggota lain-lain pangkat itu, diketuai oleh Mejar Kamarulzaman Mohd. Yunus dari Kern Sungai Besi. di sini.

Lagu kebangsaan kedua-dua negara dimainkan oleh Pancaragam Pusat Kor Armor Diraja pimpinan Kapten Zailani Mohd. Oktat.

Serentak dengan itu Unit Artileri ke-31 turut melepaskan sebanyak 21 das tembakan meriam ke udara.

Putin kemudian diperkenalkan kepada para jemaah menteri dan orang kenamaan yang hadir termasuk Yang Dipertua Negara, Tan Sri Dr. Abdul Hamid Pawanteh.

Wakil-wakil kedutaan asing ser-

ta 16 wartawan asing yang kebanyakannya dari Rusia turut menyaksikan majlis tersebut.

Selepas sambutan rasmi itu, Putin berlenas ke Hotel Shangri-La untuk mengadakan perbincangan dua hala mengenai kerjasama dan pelbagai isu antarabangsa dengan Dr. Mahathir.

Dr. Mahathir dan Putin kemudian menghadiri majlis pelancaran Forum Perniagaan Malaysia-Rusia di hotel berkenaan yang mana Putin turut menyampaikan ucapan pada majlis itu.